

Newspaper	Berita Harian
Date	21 May 2015

Melonjak jadi negara berpendapatan tinggi

» RMKe-11 tumpu pertumbuhan ekonomi mapan berpaksi rakyat

Oleh Mutazar Abd Ghani
tazargani@bh.com.my

Kuala Lumpur

Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) yang akan dibentangkan oleh Datuk Seri Najib Razak hari ini dijangka memfokuskan langkah strategik ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020.


Ia berikutan RMKe-11 yang bermula pada tahun 2016 dan berakhir pada tahun 2020, adalah fasa terakhir perancangan lima tahun negara sebelum Malaysia mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Berdasarkan gambar dalam tweet Perdana Menteri semalam, tema RMKe-11 adalah 'Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat.'

Dalam tweet itu, Najib memaparkan gambar muka depan dokumen RMKe-11 2016-2020 Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat, sambil menyatakan "Dokumen #RMK11 yg akan saya bentangkan esok (hari ini). We have lots to do in the next 5 years (banyak yang perlu kita lakukan dalam tempoh lima tahun akan datang)

Capai pertumbuhan ekonomi mapan

Sehubungan itu, RMKe-11 antara lain dijangka memberi penekanan kepada usaha mencapai pertumbuhan ekonomi mapan, peningkatan kesejahteraan rakyat, pem-



Tweet Najib mengenai dokumen RMKe 11 yang akan dibentangkan di Parlimen, hari ini.

bangunan inklusif dan mengenal pasti sumber pertumbuhan baharu.

Penekanan itu sejajar aspirasi Wawasan 2020 yang dilancarkan pada tahun 1991 dengan matlamat menjadikan Malaysia negara maju dalam semua aspek, merangkumi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi dan budaya menjelang tempoh itu.

Dalam usaha memacu pertumbuhan ekonomi negara dan meningkatkan pendapatan perkapita rakyat, RMKe-11 dijangka menggariskan pelbagai projek berimpak tinggi selain terus menggalakkan aktiviti pelaburan, khususnya sektor swasta.

Langkah berkenaan dijangka menyumbang secara positif dalam mengukuhkan

pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara, meningkatkan pendapatan negara kasar (PNK) dan pendapatan bulanan purata isi rumah yang disasarkan pada tahun 2020.

Tumpuan juga dijangka diberikan terhadap langkah meningkatkan eksport negara, menambah baik imbangan perdagangan, memastikan kedudukan fiskal yang

mapan serta mengurangkan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan kepada KDNK.

Dalam usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat, strategi RMKe-11 dijangka menumpukan usaha mengurangkan jurang pendapatan antara golongan berpendapatan tinggi dan kelompok isi rumah berpendapatan paling rendah, mengurangkan kadar pengangguran serta menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan.

Bina lebih banyak rumah

Turut dijangka diberi tumpuan ialah pembinaan lebih banyak rumah terutama kategori mampu miliki, sekolah, kemudahan dan akses kepada penjagaan kesihatan berkualiti, mengukuhkan pembangunan infrastruktur serta mewujudkan persekitaran lebih selamat dengan mengurangkan indeks jenayah.

Menyedari kepentingan untuk melahirkan lebih ramai pekerja berkemahiran sejajar matlamat menjadi negara maju, RMKe-11 turut memberi tumpuan pembangunan modal insan, termasuk pendidikan teknik dan latihan vokasional (TVET).

Sebelum ini, Perdana Menteri dipetik sebagai berkata, kepentingan rakyat terus diberi keutamaan dalam RMKe-11 merangkumi pelbagai aspek termasuk pendidikan, keselamatan, pengangkutan awam, kos sara hidup dan pembangunan luar bandar.

